

# UKM FC sedia lakar kejutan di gelanggang lawan malam ini

Oleh MUHD. ARDIE PUTRA SUHAIMI

**KELAB** bola sepak Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM FC) berharap dapat mencipta sejarah menjadi pasukan pertama memenangi Piala Cabaran menjelang final kedua menentang Terengganu FC II (TFC II) di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah malam ini.

Perkara tersebut diakui oleh jurulatihnya, Sulaiman Hussin yang percaya anak-anak buahnya berpotensi untuk melakar kejutan memandangkan mereka beraksi tanpa sebarang tekanan.

"Saya anggap selepas final pertama yang berkesudahan seri 2-2 di Stadium Shah Alam, pasukan lawan lebih berada dalam tekanan kerana mereka perlu mempertahankan kelesi-

han beraksi di laman sendiri.

"Saya akui kami sedikit ralat selepas TFC II mendapat kelebihan dua gol di tempat lawan tetapi ia bukan penentu segalanya kerana masih ada 90 minit tempoh perlawanan.

"Saya harap aksi final kedua permainan akan lebih terbuka dan saingan dapat berakhir dalam tempoh 90 minit. Kami juga sudah melakukan persiapan mental dan fizikal andai saingan diheret ke masa tambahan dan penentuan penalti," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Pada aksi final pertama, TFC II yang dibimbing oleh Tengku Hazman Raja Hassan berjaya bangkit daripada ketinggalan untuk mengikat skuad *The Varsity Boys* dengan keputusan 2-2.

## FINAL KEDUA PIALA CABARAN

### JADUAL PERLAWANAN

UKM FC (2) lwn TFC II (2)  
Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah,  
Kuala Terengganu 8 malam

Nota: Keputusan final pertama dalam kurungan

Kini, Sulaiman percaya beliau memiliki ramuan berbeza pada aksi di Kuala Terengganu malam ini nanti apabila pemain import utamanya dari Korea Selatan, Nam Se-in sudah pulih sepenuhnya.

"Saya mungkin akan buat rombakan dalam kesebelasan utama apabila pemain import kami, Se-in sudah cergas. Namun, se-



SULAIMAN (kanan) bercakap kepada para pemainnya ketika menjalani latihan di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah, Kuala Terengganu malam ini.

orang lagi pemain import iaitu Redouane Zerzouri terpaksa di-

sisihkan kerana masih dibelenggu kecederaan," ujarnya.